

TARIKH IKLAN : 25 FEBRUARI 2026



JABATAN PERHUTANAN NEGERI
PERAK DARUL RIDZUAN



KENYATAAN SEBUTHARGA

Sebutharga adalah dipelawa daripada kontraktor-kontraktor **Bumiputera / Bukan Bumiputera** yang berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia** di bawah kod bidang **110502 : Helikopter** atau **221505 : Penyewaan dan Pengurusan Kapal Terbang / Helikopter / Pesawat / Belon Panas / Simulator** serta lain-lain **Kenderaan Udara** dan masih **SAH TEMPOH** serta berdaftar dengan **Jabatan Perhutanan Negeri Perak Darul Ridzuan** untuk melaksanakan kerja-kerja seperti berikut:

BIL	NO. SEBUTHARGA	TAJUK PROJEK	TARIKH, MASA DAN TEMPAT TAKLIMAT
1.	PPN.PK(SH) 55/2026 OPK	Perkhidmatan Sewaan Helikopter Bersama Juruterbang Bagi Pemerkasaan Pemantauan Udara Dalam Melaksanakan Aktiviti Penguatkuasaan Hutan, Jabatan Perhutanan Negeri Perak Tahun 2026	Tarikh & Masa: 04 Mac 2026 (Rabu) pada 9.00 Pagi Tempat Taklimat: Bilik Mesyuarat 2, Aras 1, Jabatan Perhutanan Negeri Perak
Kehadiran ke sesi taklimat adalah diwajibkan kepada semua kontraktor yang berminat.			

1. Kontraktor-kontraktor yang berminat adalah **DIWAJIBKAN** menghadiri sesi taklimat Sebutharga. Tempat berkumpul, tarikh dan masa taklimat adalah sepertimana ditetapkan di atas.

Hanya penama syarikat di dalam Sijil Pendaftaran Asal yang masih Aktif yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dan Kementerian Kewangan Malaysia (KKM) sahaja boleh menghadiri taklimat Sebutharga.

2. Dokumen Sebutharga akan dijual dengan harga **RM 20.00 senaskhah** kepada kontraktor-kontraktor atau penama-penama yang **sah sahaja**. Untuk maksud ini, kontraktor-kontraktor atau wakil-wakilnya hendaklah mengemukakan bersama
 - a) Sijil Pendaftaran Asal yang masih Aktif yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM);
 - b) Kementerian Kewangan Malaysia (KKM); dan
 - c) Resit Pendaftaran Kontraktor dengan Jabatan Perhutanan Negeri Perak.
3. Semua bayaran hendaklah dibuat dalam bentuk **Bank Deraf** atas nama **"BENDAHARI NEGERI PERAK"**. Bayaran secara Wang Tunai tidak akan diterima.

"PERAK SEJAHTERA 2030"

"JABATAN PERHUTANAN NEGERI PERAK ADALAH KOMITED TERHADAP PEMATUHAN KEHENDAK MC&I (SUSTAINABLE FOREST MANAGEMENT) KE ARAH PENCAPAIAN MATLAMAT PENGURUSAN HUTAN SECARA BERKEKALAN "

4. Dokumen Sebutharga boleh dibeli mulai **05 Mac 2026 (Khamis)** sehingga sehari sebelum tarikh tutup Sebutharga pada waktu pejabat di **Seksyen Penguatkuasaan Hutan, Jabatan Perhutanan Negeri Perak, Persiaran Meru Utama, Bandar Meru Raya, 30020 Ipoh, Perak Darul Ridzuan.**
5. Dokumen Sebutharga yang telah diisi dengan lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat bermeteri yang ditulis di penjuru kanan Sampul Surat No. Sebutharga dan dialamatkan seperti di bawah dan dimasukkan ke dalam **Peti Sebutharga** yang disediakan di **Bilik Tender, Aras G, Ibu Pejabat, Jabatan Perhutanan Negeri Perak, Persiaran Meru Utama, Bandar Meru Raya, 30020 Ipoh, Perak Darul Ridzuan** sebelum atau pada **13 Mac 2026 (Jumaat)** pada jam **12.00** tengahari.

**PENGARAH
JABATAN PERHUTANAN NEGERI PERAK
PERSIARAN MERU UTAMA
BANDAR MERU RAYA
30020 IPOH
PERAK DARUL RIDZUAN**

DISAHKAN OLEH :


(AZNI RAHMAN BIN A. WAHID)
Timbalan Pengarah (Pembangunan)
b.p. Pengarah Perhutanan Negeri
Perak Darul Ridzuan

"PERAK SEJAHTERA 2030"

"JABATAN PERHUTANAN NEGERI PERAK ADALAH KOMITED TERHADAP PEMATUHAN KEHENDAK MC&I (SUSTAINABLE FOREST MANAGEMENT) KE ARAH PENCAPAIAN MATLAMAT PENGURUSAN HUTAN SECARA BERKEKALAN "